

Banjir Sarawak semakin pulih - Alfred Jabu

KUCHING 29 Dis. - Banjir di negeri ini semakin pulih apabila hanya 1,185 mangsa daripada 327 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu (**gambar**) berkata, ia merupakan penurunan yang ketara berbanding petang semalam yang mencatatkan angka 2,938 mangsa daripada 770 keluarga.

Katanya, banjir di Bahagian Kuching, Sibu dan Mukah pula telah pulih sepenuhnya dengan semua mangsa dibenarkan pulang.

"Sekarang hanya terdapat lima pusat pemindahan yang masih beroperasi iaitu masing-masing dua di Bahagian Samarahan dan Sarikei dan satu di Sri Aman.

"Di Samarahan terdapat 1,053 mangsa daripada 327 keluarga, Sri Aman 105 mangsa daripada 33 keluarga dan di Sarikei 27 mangsa daripada 5 keluarga," katanya pada sidang akhbar di Wisma Bapa Malaysia, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Jabu yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa

Pengurusan dan Bantuan Bencana negeri berkata, masyarakat di sekitar bandar raya ini amat bernasib baik kali ini kerana *barrage* (bendungan rendah) di Sejingkat berjaya mengawal keadaan banjir.

Katanya, tanpa kewujudan *barrage* berkenaan, pusat bandar raya ini pastinya dilimpahi banjir terutama pada Isnin dan Selasa lalu.

"Tanpa *barrage*, kombinasi hujan lebat dan air pasang besar pada dua hari berkenaan, Kuching pasti banjir tetapi kita bernasib baik kerana ia dapat menghentikan air laut masuk walaupun paras air pada masa itu adalah tinggi," katanya.

Jabu pada sidang akhbar itu turut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana negeri di semua peringkat termasuk agensi berkaitan yang berjaya menguruskan banjir di negeri ini dengan baik.

Katanya, ia dibuktikan dengan tiadanya suasana kucar kacir di semua pusat pemindahan selain tiada korban banjir kali ini.



PENDUDUK pulang ke rumah masing-masing setelah keadaan banjir surut di Kampung Beradek, Pulau Semilang, dekat Kuching, semalam.